



---

### **Kelawar Buluh Besar**

*Tylonycteris robustula*

Greater Flat-headed Bat

Famili: Vespertilioninae

### **Ciri-ciri**

Spesies ini menyerupai kelawar buluh kecil, tetapi mempunyai saiz yang lebih besar. Bahagian atas tubuhnya berwarna coklat gelap manakala bahagian bawahnya berwarna perang. Selaput terbang berwarna coklat pucat.

### **Taburan**

Taburannya tersebar luas di Semenanjung Malaysia. Ia juga pernah direkodkan di Singapura, barat daya China ke Indochina, Thailand, Sumatera dan Jawa.

### **Habitat**

Di dalam buluh (ruang antara ruas buluh)

### **Tabiat**

Tidur secara berkumpulan dan pada amnya melahirkan 2 ekor anak pada setiap kelahiran.